

Masih Tajamkah Mata Kerismu, Hulubalang?

Pada hari tutup gelanggang
kau pun diperlimau
dengan mantera.
Dianugerah persalinan sutera
sebilah keris pakaian perwira.

Kau pun melangkah pulang
hulubalang.

Pesan Guru Tua
"Jangan persia
ilmu di dada
bila di Menara".

Hulubalang,
mohon izin aku bertanya:
sejak kau di persada Menara
berdinding gading di samping sida-sida
masih tajamkah mata kerismu
pada gelangan hulu Jawa Demam?
Masih tangkaskah pencakmu
tika lompat ke ruang laman?

Hulubalang,
hidupkan semangat kerismu itu
dengan asam sebiji limau
dengan kepulan asap kemenyan.
Lincahkan pencak silatmu itu
dengan lompatan kencang
ke dalam gelanggang.
Serang.

••• Hashim Yaacob

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

MENUTUP MINDA

Mahasiswa I : Saya tidak mahu
memanggil TNC (HEP)
sebagai "ayahanda".

Mahasiswa II : Mengapa?

Mahasiswa I : Kalau kita buat begitu,
kita tak boleh derhaka
kepadanya.

Cerita ini sungguh mendukacitakan,
kerana mahasiswa I tidak memberi dirinya
peluang untuk TNC (HEP) mendekatinya.
Dia sudah menyiapkan mindanya untuk
"menderhaka" walaupun dia belum lagi
mempunyai sebab-sebab untuk berbuat
demikian.

Bagaimanakah TNC (HEP) hendak men-
dekati dan berbuat baik kepada mahasiswa,
kalau mahasiswa sendiri mencurigainya?

SECANGKIR KOPI KELAT....

oleh: Abdul Jalil Othman,
Pensyarah Fakulti Pendidikan

Sedang enak menulis, saya berhenti seketika, lalu saya teringatkan sepotong sajak **Kerusi Kosong Siapa Punya** tulisan tokoh kita Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob. Sajak ini ada seribu pesanan. Dalam pesanan ada sejuta ingatan untuk pelajar kita. Ada bermacam-macam fikiran bermain di kepala saya. **Pertama**, betapa beruntungnya mahasiswa masa kini. Tidak punyai wang diberi biasiswa atau setidak-tidaknya pinjaman, tak cukup laluan, dibuatnya jambatan ke rimba ilmu. Yang mereka perlu buat, hanya belajar, belajar secara bijak untuk menjadi bijak. Yang **kedua**, betapa malangnya mahasiswa, jika ada peluang tidak mahu merebutnya,

sehingga peluang itu pergi jauh lalu jatuh ke tangan orang lain. Maka kerusi kosong siapa punya tanya Maharisi Kala Api akan terjawablah lebih kurang begini – kerusi kosong itu sudahpun berpunya!

Menyebut sahaja tentang peluang saya teringat pula kata-kata seorang pemikir, A.E.Dunning. Bunyinya lebih kurang begini: 'Great opportunities come to all, but many do not know they have met them. The only preparation to take advantage of them is simple fidelity to what each day brings.'

Dalam diri mahasiswa mesti ada impian. Impian, jika tidak dilayari dengan baik lambat laun akan lenyap

begitu sahaja. Maka benarlah kata-kata John B. Gough sepanjang ingatan saya berbunyi lebih kurang begini: 'If you want to succeed in this world, you must make your own opportunities as you go on. The man who waits for some seventh wave to toss him on dry land will find that seventh wave is a long time a coming. You can commit no greater folly than to sit by the roadside until some one comes along and time a coming. You can commit no greater folly than to sit by the roadside until some one comes along and invites you to ride with him to wealth. Anda sebagai pelajar, anda bergelar mahasiswa. Hidup mesti seperti seorang mahasiswa. Akalmu pula mesti setahap mahasiswa. Berterima kasihlah anda kepada orang yang memberi peluang kepada anda untuk menjadi mahasiswa!'

Saidina Umar Al-Khattab pernah menyebut bahawa beliau inginkan dalam meneruskan perjuangan dari kalangan generasi muda seumpama Abu Ubaidah Jarrah, Muaz bin Jabal dan Abu Huzairah. Mereka adalah dari kalangan orang-orang muda yang berkualiti dalam banyak perkara sama ada aspek rohani, jasmani mahupun ilmu.

Sesuai dengan tarikh ulang tahun kemerdekaan negara, mahasiswa tentu mendengar keriuhan masyarakat pelbagai lapisan mempercakapkan tentang merdeka. Mereka berbicara soal hari merdeka, bulan merdeka, pesta merdeka, anak merdeka, jiwa merdeka, Dataran Merdeka dan banyak lagi tentang merdeka. Sebagai mahasiswa, mereka juga perlu merdeka. Merdeka jiwa, merdeka semangat, merdeka pemikiran dan sebagainya yang

MAHASISWA MERDEKA?

oleh:
Mohd Fakhrurazi Ibrahim

menjurus kepada proses merdeka yang baik-baik

Mahasiswa adalah pemangkin kepada pembangunan tamadun negara. Sesuai dengan tradisi kemahasiswaan dan keilmuan, mahasiswa perlu memerdekakan diri daripada segala sikap yang buruk dalam mengejar ilmu seterusnya menilai status keilmuan yang sedang diharungi. Mahasiswa perlu mendampingi ilmu dan persekitaran ilmu khususnya guru atau pensyarah agar mereka terarah kepada nilai yang baik. Confusius pernah menyebut: "Berguru tanpa belajar sia-sia. Belajar tanpa guru bahaya".

Dalam usaha meningkatkan ilmu dalam diri, mahasiswa perlu mempunyai resepi yang baik. Kandungan resepi perlu merangkumi usaha mencari dan mewarnai diri seterusnya memerdekakan diri daripada kegagalan untuk mendapatkan ilmu dan keberkatannya. Perkara yang perlu diamalkan merangkumi:

- ▣ Dekati guru dengan penuh beradab.
- ▣ Hadiri kuliah dan tutorial tanpa gagal.
- ▣ Lakukan tugas yang diberi sebaik mungkin.
- ▣ Datangi perpustakaan dengan semangat ilmu.
- ▣ Berbincang dengan rakan sebaya.
- ▣ Berusaha mendapatkan buku-buku terbaik dan berkualiti.
- ▣ Tidak berburuk sangka pada guru.
- ▣ Akur dengan wibawa guru yang mengajar.

bersambung di muka surat 3

• PELAJAR TAJAAN PTPTN •

- ◆ Seramai 1,212 pelajar yang telah mengemukakan borang permohonan dalam tempoh bulan Mei hingga Julai 2001 akan menerima surat tawaran pinjaman PTPTN dalam masa 2 minggu lagi. Pelajar diingatkan supaya melihat papan notis di Fakulti/Akademi/Kolej Kediaman masing-masing dari semasa ke semasa. Pelajar yang tidak menerima bayaran pada semester I akan menerima bayaran dalam masa 2 minggu lagi. Duit PTPTN boleh dituntut dari BCBB (UM) dengan cara mengemaskinikan buku simpanan anda di kaunter bank tersebut dan bukan dengan menggunakan kad ATM.
- ◆ Pelajar senior yang tidak menerima bayaran pada semester I kerana masalah rekod tempoh pinjaman di PTPTN akan menerima bayaran tidak lama lagi.
- ◆ Pastikan anda melihat **PAPAN NOTIS** di Fakulti/Akademi/Kolej Kediaman dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan pinjaman PTPTN. Sebarang persoalan, hubungi Puan Aziah Saad, ditalian sambungan 3497/3410/3375.

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Penggunaan Ungkapan "Yang Berbahagia"

Ungkapan *Yang Berbahagia* digunakan sebagai sapaan umum bagi nama jawatan atau pangkat yang disandang oleh seseorang. Kata nama Tuan dan Puan digunakan selepas ungkapan kehormat *Yang Berbahagia*.

- i. Yang Berbahagia Tuan Pengerusi Majlis
- ii. Yang Berbahagia Tuan Yang Di Pertua Persatuan
- iii. Yang Berbahagia Tuan Presiden Kesatuan
- iv. Yang Berbahagia Tuan Ketua Kampung
- v. Yang Berbahagia Tuan Ketua Pengarah
- vi. Yang Berbahagia Tuan Ketua Pengarang
- vii. Yang Berbahagia Tuan Pengurus
- viii. Yang Berbahagia Tuan Naib Pengerusi
- ix. Yang Berbahagia Tuan Timbalan Presiden
- x. Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah
- xi. Yang Berbahagia Tuan Inspektor
- xii. Yang Berbahagia Tuan Peguam Negara

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa



Wise Words

No individual can achieve anything without industry, suffering and sacrifice.

▣ Fatima Jinna

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

Sambungan dari muka surat 2

- ▣ Berlapang dada ketika berdiskusi.
- ▣ Minda terbuka dan tidak berfikiran tertutup.
- ▣ Menghargai pandangan orang lain. Jauhkan diri dengan pemikiran "aku sahajalah yang betul, orang lain semua salah".
- ▣ Elak budaya menghukum tanpa usul periksa.
- ▣ Bertindak secara rasional, bukan emosional.
- ▣ Budayakan semangat terima kasih dan bukan prejudis.
- ▣ Lebihkan menyumbang, kurangkan menumpang.
- ▣ Pakai pakaian yang beretika dan penuh adab sopan.

Persoalan di sini ialah sama ada mahasiswa mengamalkan semua perkara di atas. Sekiranya belum, merdekakan diri yang masih terkongkong dengan cara dan resepi lama. Mudah-mudahan merdeka tahun ini ada nilainya pada mahasiswa.

Kenali Warga HEP

Beliau merupakan anak kelahiran negeri Kedah Darulaman. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Mempunyai pengalaman hampir 3 tahun di HEP dalam menguruskan soal-soal latihan dan pembangunan diri mahasiswa. Sebelum bertugas di HEP, beliau merupakan Penolong Pengarah (Latihan) di Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Kini beliau diamanahkan sebagai **Penolong Pendaftar, Unit Latihan HEP**, Universiti Malaya.

Harapan: Kepada pelajar; terus berusaha meningkatkan prestasi akademik dan kecemerlangan diri. Manfaatkan segala kemudahan dan peluang-peluang yang disediakan oleh Universiti dan dekatkan diri dengan HEP untuk kebaikan bersama.

Kepada pegawai dan staf; laksanakan segala tugas itu sebagai amanah dan ikhlaskan diri dalam menjalankan tanggungjawab. Ingatlah bahawa kecemerlangan diri bergantung kepada ketulusan hati dan kemurnian jiwa.

Untuk warga kampus keseluruhannya; jangan gadaikan diri untuk perkara yang tidak berfaedah. Carilah pengalaman sebanyak yang mungkin agar diri menjadi lebih matang. Berfikir dahulu sebelum bertindak agar tenang dalam tindakan, rasional dalam perlakuan. Hidup biarlah berjasa, hati biarlah mulia agar hidup tidak dicerca, mati tidak dicela. Biar nanti disebut orang KITA PERWIRA.



Mohd Fakhurulrazi Ibrahim

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden Kelab Kung Fu

Saudara Wong Yean Kong, adalah **Presiden** Kelab Kung Fu merupakan pelajar Tahun 3, Institut Sains Biologi Fakulti Sains. Beliau yang tinggal di luar kolej merupakan presiden bagi sesi 2001/2002, berasa bangga kerana dapat menerus kesenimbangan kelab ini. Dari segi sejarah, Kelab Kung Fu ditubuhkan bertujuan untuk mempertingkatkan semangat kesukanan dan jasmani di kalangan mahasiswa/i.

Pada tahun 1974, Kelab ini telah didaftarkan secara rasmi dan menjadi kelab yang mempunyai pentadbiran dan organisasi tersendiri. Jurulatih pertama Kelab Kung Fu ialah Master Au Yang Chi iaitu bekas jurulatih kepada Pasukan Wu Shu Kebangsaan.

Kini Kelab Kung Fu mempunyai 2 kelas iaitu Kelas Tai Chi + Tang Lang Quan yang diadakan pada setiap Isnin dan Khamis manakala kelas kedua ialah Kelas Hong Quan, setiap Selasa dan Khamis. Selain itu, kelab ini juga menganjurkan Malam Kung Fu setiap 2 tahun sekali. Bagi tahun ini, Malam Kung Fu ke-12 akan dianjurkan pada 2 November 2001, bertempat di Auditorium Perdanasiswa.



Yong Yean Kong

Dairi HEP

24 - 29 Ogos 2001

☐ **Pesta Hari Terbuka Kolej Kediaman Pertama** (sempena Minggu Kemerdekaan) dan juga Ekspo Jualan Merdeka.

27 Ogos 2001

☐ **Larian Obor** Sukan SEA peringkat Universiti Malaya bermula jam 4.00 petang mengelilingi Universiti Malaya di mulai oleh, Y. Bhg. Dato' Naib Canselor dan diakhiri oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor (HEP). Semua warga kampus dijemput turut serta.

28 Ogos 2001

☐ **Timbalan Naib Canselor (HEP)** akan mengadakan **pertemuan** dengan semua pelajar Kolej Kediaman Keempat (Bestari) di Kolej Kediaman Keempat bermula pukul 9.00 malam.

29 Ogos 2001

☐ **Bicara Intelak** Peranan Mahasiswa Dalam Pengisian Kemerdekaan akan diadakan pada 29 Ogos 2001 (Rabu), jam 8.30 malam bertempat di Auditorium Fakulti Kejuruteraan anjuran Persatuan Mahasiswa Negeri Johor (PEMASHOR). Semua dijemput hadir.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhurulrazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhurulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh